

| |
|---|
| <p style="text-align: center;">PERATURAN PERTANDINGAN OLAHRAGA KATMO & OM MSSD SEPANG 2025</p> |
|---|

1. TARIKH, MASA DAN TEMPAT

Tarikh : 2&3 DISEMBER 2025
Hari : SELASA & RABU
Masa : 7.30 PAGI – 5.00 PETANG,
Tempat : STADIUM MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BBST
Pengelola : PPD Sepang (SMK BBST & SK BBST)

2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Pertandingan ini dianjurkan di bawah Undang-undang KOAM (di mana sesuai) dan Peraturan Am MSSS serta MSSM.

3. KELAYAKAN

3.1 Peserta

3.1.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta yang berdaftar dan bergabung dengan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor.

4. KUMPULAN-KUMPULAN UMUR

4.1 Sekolah Menengah : Lelaki dan Perempuan
16 tahun ke bawah (Lahir pada 1.1.2009 atau selepasnya)
14 tahun ke bawah (Lahir pada 1.1.2011 atau selepasnya)

4.2 Sekolah Rendah : Lelaki dan Perempuan
11 tahun dan ke bawah (Lahir pada 1.1.2014 atau selepasnya)
10 tahun dan ke bawah (Lahir pada 1.1. 2015 atau selepasnya)

4.3 **Nota** - Peserta-peserta hendaklah mengambil bahagian mengikut kumpulan umurnya. Misalnya seorang peserta bawah 14 tahun tidak boleh mengambil bahagian dalam kumpulan umur 16 tahun.

5. PERATURAN PERTANDINGAN

5.1 Setiap sekolah boleh menghantar sekurang-kurangnya seorang (1) peserta dan TIDAK LEBIH daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu

5.2 Bilangan maksimum penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

| | Kumpulan Umur | Individu |
|-----|---------------|----------|
| 5.3 | 16TKB | 2 |
| | 14TKB | 2 |
| | 11TKB | 2 |
| | 10TKB | 2 |

5.4 Jika **kurang** dari dua (2) orang peserta atau pasukan mengambil bahagian dalam sesuatu acara, acara tersebut akan dibatalkan.

6. PERMULAAN BAGI ACARA BALAPAN

6.1 BLOK PERMULAAN

6.1.1 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 16 dan 14 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) **BLOK PERMULAAN MESTI DIGUNAKAN.**

| |
|-----------|
| 100 METER |
| 400 METER |

6.1.2 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 12 dan 11 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) **BLOK PERMULAAN MESTI DIGUNAKAN.**

| | |
|-----------|------------------------|
| 100 METER | 60 METER LARI BERPAGAR |
| 200 METER | |

6.2 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

6.2.1 **PAKU KASUT** : Bagi kejohanan yang dijalankan di atas balapan jenis sintetik, panjang maksimum paku kasut (spikes) tidak melebihi 6mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut paku kasut tidak boleh melebihi 9mm.

6.2.2 **PERALATAN** : Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan peralatan termasuk Blok Permulaan kecuali galah berlombol untuk acara Lompat Bergalah dimana peserta dan galah sendiri dengan syarat ia diserahkan kepada Pengurus Teknik terlebih dahulu untuk disahkan. Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan galah orang lain kecuali dengan mendapat kebenaran dari tuan yang empunya.

**7. ACARA-ACARA PADANG
(UKURAN DAN TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN)**

7.1 LONTAR PELURU – BERAT PELURU

| PERINGKAT UMUR | LELAKI | PEREMPUAN |
|-----------------------|---------------|------------------|
| 16 TKB | 5.00 KG | 3.00 KG |
| 14TKB | 4.00 KG | 3.00 KG |
| 11TKB | 2.72 KG | 2.72 KG |
| 10TKB | 1.00 KG | 1.00 KG |

7.2 REJAM LEMBING

| PERINGKAT UMUR | LELAKI | PEREMPUAN |
|-----------------------|---------------|------------------|
| 16 TKB | 700 GRAM | 500 GRAM |
| 14TKB | 600 GRAM | 500 GRAM |

8. ACARA LARI BERPAGAR

8.1 60M LARI BERPAGAR

| Umur | Bil. Pagar | Tinggi Pagar | Jarak Dari Garisan Permulaan Ke Pagar Pertama | Jarak Antara Pagar | Jarak Dari Pagar Akhir Ke Garisan Penamat |
|-------------|-------------------|---------------------|--|---------------------------|--|
| 11TKB | 5 | 0.762m | 12.00 METER | 8.00 METER | 16.00 METER |
| 10TKB | 5 | 0.7m | 12.00 METER | 8.00 METER | 16.00 METER |

9. ACARA-ACARA BALAPAN

9.1 Separuh Akhir

- 9.10.1 Empat (4) Separuh Akhir
Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.
- 9.10.2 Tiga (3) Separuh Akhir
Dua (2) peserta pemenang dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.
- 9.10.3 Dua (2) Separuh Akhir
Tiga (3) peserta pemenang daripada setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.
- 9.10.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terik lebih daripada bilangan yang dihadkan di 9.7.1 dan 9.7.3, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh ahli-ahli Juri Rayuan.
- 9.10.5 Semua pengundian lorong untuk acara akhir semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Perangkaan dan Keputusan Rasmi dengan pengawasan/penyeliaan ahli-ahli Juri Rayuan.

10. HADIAH-HADIAH

- 10.1 Acara individu– Pertama, Kedua, Ketiga, keempat

11. PERATURAN-PERATURAN AM

11.1 Pendaftaran Peserta-peserta

- 11.1.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat ___ minggu sebelum kejohanan dengan menggunakan sistem **ONLINE** dan / atau **Borang Penyertaan Rasmi** yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh PPD masing-masing.
- 11.1.2 Peserta **SEKOLAH RENDAH** hendaklah mengisi **BORANG R01** serta salinan Surat Beranak yang telah disahkan oleh Guru Besar sekolah yang berkenaan.

- 11.1.3 Peserta **SEKOLAH MENENGAH** hendaklah mengisi **BORANG M01** dan membawa Salinan Kad Pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai pengesahan rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (sila rujuk Peraturan Am MSSS).

11.2 Pengesahan Peserta-peserta:

11.2.1 Mesyuarat Pengundian

11.2.1.1 Mesyuarat pengesahan akan diadakan satu minggu sebelum kejohanan.

11.2.1.2 Nama-nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan selewat-lewatnya pada mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut. **SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN/PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

11.2.2 Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan.

Semasa taklimat ini, hanya penarikan **TANPA** pengganti dibenarkan.

11.2.3 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan

11.2.3.1 Jika didapati seseorang peserta disahkan pada Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

11.2.3.2 Seseorang pesera yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

11.2.3.3 Seseorang pesera yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

11.3 Melaporkan Diri Peserta

- 11.3.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.
- 11.3.2 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada pegawai teknik dalam arena pertandingan. Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.
- 11.3.3 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju masing-masing.
- 11.3.4 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.

11.4 Hak-hak Jawatankuasa Pengelola

- 11.4.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Olahraga MSSD berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengurus-pengurus psukan akan diberitahu.
- 11.4.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara tidak dicatat dalam Undang-undang Olahraga KOAM terkini, Peraturan-peraturan AM MSSS.

11.5 Bantahan

- 11.5.1 Segala bantahan hendaklah dibuat dengan mematuhi prosedur peraturan 146 KOAM.
- 11.5.2 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSD kelak.
- 11.5.3 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada:
- 11.5.4 Lima belas (15) minit selepas keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
- 11.5.5 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
- 11.5.6 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja)**.

12. ACARA-ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

| BIL | ACARA | LELAKI (TBK) | | | | PEREMPUAN (TBK) | | | | JUM |
|-----|-------------------|--------------|----------|----------|----------|-----------------|----------|----------|----------|-----------|
| | | 16 | 14 | 11 | 10 | 16 | 14 | 11 | 10 | |
| 1 | 100M | X | X | X | X | X | X | X | X | 8 |
| 2 | 200M | - | - | X | X | - | - | X | X | 4 |
| 3 | 400M | X | X | - | - | X | X | - | - | 4 |
| 6 | 1500M | X | X | - | - | X | X | - | - | 4 |
| 8 | 60M LARI BERPAGAR | - | - | X | X | - | - | X | X | 4 |
| 14 | LOMPAT JAUH | X | X | X | X | X | X | X | X | 8 |
| 16 | LONTAR PELURU | X | X | X | X | X | X | X | X | 8 |
| | JUMLAH | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 40 |

13. NOMBOR PESERTA

13.1 Nombor peserta hendaklah disediakan oleh sekolah masing-masing. Setiap peserta hendaklah memakai nombor di depan dan belakang dan disematkan dengan pin pada keempat-empat sudut kain.

13.2 Ukuran kain nombor adalah 26 cm X 18 cm.

13.3 Warna tulisan adalah seperti berikut:

Bawah 16 Tahun (L&P) - Hitam Bawah 11 Tahun (L&P) - Biru
 Bawah 14 Tahun (L&P) - Biru Bawah 10 Tahun (L&P) - Hitam

| BIL | ABJAD | NAMASEKOLAH | LELAKI | PEREMPUAN |
|-----|-------|-----------------------------|--------|-----------|
| 1 | AA | SK SUNGAI RAWANG | 01-49 | 50-99 |
| 2 | AB | SK BUKIT BANGKONG (A) | 01-49 | 50-99 |
| 3 | AC | SK SUNGAI PELEK | 01-49 | 50-99 |
| 4 | AD | SK SALAK | 01-49 | 50-99 |
| 5 | AE | SK KG BAHARU LANJUT | 01-49 | 50-99 |
| 6 | AF | SK METHODIST SUNGAI PELEK | 01-49 | 50-99 |
| 7 | AG | SK JENDERAM | 01-49 | 50-99 |
| 8 | AH | SK JENDERAM HILIR | 01-49 | 50-99 |
| 9 | AJ | SK DENGKIL | 01-49 | 50-99 |
| 10 | AK | SK SUNGAI MERAB LUAR | 01-49 | 50-99 |
| 11 | AL | SK DESA PUTRA | 01-49 | 50-99 |
| 12 | AM | SK DATO ABU BAKAR BAGINDA | 01-49 | 50-99 |
| 13 | AN | SK PULAU MERANTI | 01-49 | 50-99 |
| 14 | AP | SK SUNGAI MELUT (A) | 01-49 | 50-99 |
| 15 | AQ | SK BUKIT TAMPOI (A) | 01-49 | 50-99 |
| 16 | AR | SK BANDAR BARU SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 17 | AS | SK TAMAN SEROJA | 01-49 | 50-99 |
| 18 | AT | SK PANTAI SEPANG PUTRA | 01-49 | 50-99 |
| 19 | AU | SK TMN PUTRA PERDANA 2 | 01-49 | 50-99 |

| | | | | |
|------------|--------------|---|---------------|------------------|
| 20 | AV | SK CYBERJAYA | 01-49 | 50-99 |
| 21 | AW | SK KLIA | 01-49 | 50-99 |
| 22 | AX | SK KOTA WARISAN | 01-49 | 50-99 |
| 23 | AY | SK TAMANPUTRA PERDANA | 01-49 | 50-99 |
| 24 | AZ | SRA INTEGRASI SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 25 | BA | SKDESA PINGGIRANPUTRA | 01-49 | 50-99 |
| 26 | BB | TAYLOR INTERNATIONAL SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 27 | BC | RAFFLESIA INTERNATIONAL AND PRIVATE SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 28 | BD | BRAINY BUNCH (BBIIS) | 01-49 | 50-99 |
| 29 | BE | SOLEH INTEGRATED ISLAMIC SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 30 | BF | ADNIBANGI SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 31 | BG | SRI ALAMIN CYBERJAYA | 01-49 | 50-99 |
| 32 | BI | KING HENRY VIII COLLEGE | 01-49 | 50-99 |
| 33 | BR | SRITI BANDAR BARU SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 34 | BY | ABE DEEN ACADEMY INTERNATIONAL AND PRIVATE SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| | | | | |
| | | | | |
| 1 | TA | SJK (T) TELOK MERBAU | 01-49 | 50-99 |
| 2 | TB | SJK (T) SEPANG | 01-49 | 50-99 |
| 3 | TC | SJK (T) LADANG BUTE | 01-49 | 50-99 |
| 4 | TD | SJK (T) BANDAR BARU SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 5 | TE | SJK (T) LADANG AMPAR TENANG | 01-49 | 50-99 |
| 6 | TF | SJK (T) DENGKIL | 01-49 | 50-99 |
| 7 | TG | SJK (T) TAMAN PERMATA | 01-49 | 50-99 |
| 8 | TH | SJK (T) LDG WEST COUNTRY BARAT | 01-49 | 50-99 |
| 9 | TI | SJK (T) LADANG BUKIT IJOK | 01-49 | 50-99 |
| | | | | |
| 1 | CA | SJK (C) WAH LIAN SUNGAI PELEK | 01-49 | 50-99 |
| 2 | CB | SJK (C) TCHE MIN SUNGAI PELEK | 01-49 | 50-99 |
| 3 | CC | SJK (C) SEPANG | 01-49 | 50-99 |
| 4 | CD | SJK (C) CHIO CHIAO | 01-49 | 50-99 |
| 5 | CE | SJK (C) SIN MING PUCHONG | 01-49 | 50-99 |
| 6 | CF | SJK (C) DENGKIL | 01-49 | 50-99 |
| 7 | CG | SJK UNION | 01-49 | 50-99 |
| | | | | |
| | | | | |
| BIL | ABJAD | NAMA SEKOLAH | LELAKI | PEREMPUAN |
| 1 | SA | SMK DATO ABUBAKAR BAGINDA | 01-49 | 50-99 |
| 2 | SB | SMK BANDAR BARU SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 3 | SC | SMK CYBERJAYA | 01-49 | 50-99 |
| 4 | SD | SMK DENGKIL | 01-49 | 50-99 |

| | | | | |
|----|----|--|-------|-------|
| 5 | SE | SEKOLAH SERI PUTERI | 01-49 | 50-99 |
| 6 | SF | BRAINY BUNCH (BBIIS) | 01-49 | 50-99 |
| 7 | SG | SMK PANTAI SEPANG PUTRA | 01-49 | 50-99 |
| 8 | SH | SMK PUTRAPERDANA | 01-49 | 50-99 |
| 9 | SI | KING HENRY VIII COLLEGE | 01-49 | 50-99 |
| 10 | SJ | PPQT AL-ULUM | 01-49 | 50-99 |
| 11 | SK | SEKOLAH KIBLAH | 01-49 | 50-99 |
| 12 | SL | SAM SUNGAI MERAB LUAR | 01-49 | 50-99 |
| 13 | SM | SAM BANDAR BARU SALAK TINGGI | 01-49 | 50-99 |
| 14 | SN | SEKOLAH SUKAN NEGERI | 01-49 | 50-99 |
| 15 | SP | SMK SUNGAI PELEK | 01-49 | 50-99 |
| 16 | SQ | ADNIBANGI SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 17 | SR | SMK SUNGAI RAWANG | 01-49 | 50-99 |
| 18 | SS | SMK SERI SEPANG | 01-49 | 50-99 |
| 19 | ST | KOLEJ VOKASIONAL SEPANG | 01-49 | 50-99 |
| 20 | SU | SEKOLAH SERI AYEESHA | 01-49 | 50-99 |
| 21 | SV | TAYLOR INTERNATIONAL SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 22 | SW | RAFFLESIA INTERNATIONAL AND PRIVATE SCHOOL | 01-49 | 50-99 |
| 23 | SX | MAAHAD INTERGRASITAHFIZ SEPANG (MITS) | 01-49 | 50-99 |
| 24 | SY | ABE DEEN ACADEMY | 01-49 | 50-99 |
| 25 | SZ | KHALIFAH | 01-49 | 50-99 |
| | | | | |

14. KESELAMATAN DAN TEKNIKAL

14.1 Semua peserta mestilah sihat dari aspek kecergasan fizikal dan disahkan oleh pegawai

kesihatan untuk menyertai pertandingan.

14.2 Semua peserta digalakkan memakai kasut yang sesuai.

15. PAKAIAN

15.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan pada

majlis penyampaian hadiah.

15.2 Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah.

16. HAL-HAL LAIN

- 16.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 16.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **SESIAPAPUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PEGAWAI KEJOHANAN.**
- 16.3 Jawatankuasa kejohanan tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda atau kecederaan lain yang berlaku:
- a) Semasa perjalanan pergi dan balik dari stadium.
 - b) Semasa kejohanan dilangsungkan.
 - c) Di dalam dan luar stadium.

17. BORANG PENYERTAAN

- 17.1 **Tarikh akhir** untuk penghantaran penyertaan adalah sebelum atau pada **27/11/2025** **(KHAMIS) jam 2:30pm** di link pendaftaran:

- 17.2 Penyerahan cek untuk bayaran penyertaan adalah seperti berikut :
- a) Sekolah Menengah : SMKBBST
 - b) Sekolah Rendah : SKBBST

TARIKH MESYUARAT PENGGUGURAN DAN TARIK DIRI: **27/11/2025** (KHAMIS: Jam 2.30 petang - Bilik Mesyuarat SMKBBST)

TARIKH KEJOHANAN KATMO & OMMSSD SEPANG : 2 & 3 DISEMBER 2025
(Selasa & Rabu)
(Stadium Mini MP SEPANG BBST)